

Headline	Akhirnya boleh tarik nafas lega		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	20 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	35
ArticleSize	362 cm ²	Journalist	NOOR HAYATI
PR Value	RM 8,610		



Akhirnya boleh tarik nafas lega

TNB maklumkan punca masalah teknikal, isu bil belasan ribu ringgit selesai

NOOR HAYATI MAMAT

KUALA BERANG

Tanda tanya yang menghantui kehidupan seorang pesara kerajaan di Kampung Nasi Dingin, di sini, sejak April lalu ekoran bil elektrik di rumahnya mencecah belasan ribu ringgit sebulan kini berakhir.

Yusoff Taib, 64, sekeluarga mampu menarik nafas lega atas tindakan segera Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan turut berterima kasih kepada pihak TNB kerana sudi ke rumahnya semalam berhubung pemasalahan di-

hadapinya.

Menurutnya, dia maklumkan perkara berkenaan berpunca daripada masalah teknikal dan kerana itu dia tidak perlu membayar RM17,344.40 sebagaimana jumlah tertera dalam surat diterimanya baru-baru ini.

"Sejak terima surat pertama pada April lalu saya sekeluarga bukan sahaja terkejut apabila perlu bayar belasan ribu ringgit tetapi juga macam-macam tanda tanya difikiran, apatah lagi jumlah kadar bayaran dalam surat ketiga kian bertambah.

"Hari ini (semalam), syukurlah semuanya dianggap selesai dan bil cecah belasan ribu ringgit diterima tiga kali bermula April lalu disebabkan kesilapan teknikal. Saya tidak perlu buat pembayaran jumlah itu.

"Tentunya ia berita yang menggembirakan dan membolehkan saya sekeluarga tarik nafas lega, apatah lagi beberapa



Keratan Sinar Harian siaran 18 Julai lalu.

hari lepas bekalan elektrik di rumah saya hampir dipotong gara-gara masalah ini," katanya kepada Sinar Harian.

Sinar Harian Rabu lalu menyiarkan mengenai seorang pesara kerajaan di Kampung Nasi Dingin dihantui tanda tanya sejak empat bulan lalu setelah setiap bulan menerima surat TNB yang menuntut bayaran ce-

cah belasan ribu ringgit.

Sementara itu, Pengurus Besar TNB Terengganu, Mohd Nazri Puteh berkata, pihaknya telah menyiasat dan mendapati masalah sedemikian berlaku berikutan kejanggalan meter yang menyebabkan bacaan dibuat tidak betul.

"Bacaan pada meter melonjak tinggi dan apabila bacaan tidak betul akibat

masalah teknikal mengakibatkan sistem menerima jumlah mengikut bacaan hingga mengakibatkan bil melambung tinggi.

"Dalam situasi pemasalahan sebegini, pihak TNB akan membuat penyelarasan semula dan ia adalah masalah teknikal yang boleh diatasi dengan sempurna.

"Penggunaan kadar elek-



Yusoff (dua, kiri) kini mampu tarik nafas lega dan berterima kasih atas kunjungan wakil TNB ke rumahnya di Kampung Nasi Dingin, semalam.

